

Menjaga Kenderaan Anda

Langkah Berjaga-jaga Semasa Mencuci

Sila ikut garis panduan berikut semasa mencuci:

- Jangan guna alat pencuci bertekanan tinggi.
 - ▲ Pencuci bertekanan tinggi mampu merosakkan bahagian-bahagian yang lemah dan bahagian-bahagian elektrik juga.
 - ▲ Air di dalam ambilan udara boleh ditarik ke dalam karburetor dan/atau memasuki pembersih udara.
- Jangan halakan aliran air secara terus pada peredam:
 - ▲ Peredam yang basah akan menjejaskan keberkesanan penghidupan enjin dan menyebabkan peredam berkarat.
- Keringkan brek:
 - ▲ Air akan menjejaskan keberkesanan brek. Sila tekan brek beberapa kali sementara anda biarkan kenderaan anda bergerak perlahan untuk membantu mengeringkannya.
- Jangan halakan aliran air secara terus ke bahagian bawah tempat duduk:
 - ▲ Ia akan membasahkan dokumen-dokumen anda dan juga barangan lain.

- Jangan halakan aliran air secara terus pada pembersih udara:
 - ▲ Pembersih udara yang basah akan menjejaskan keberkesanan penghidupan enjin.
- Jangan halakan aliran air secara terus pada kawasan berdekatan dengan lampu hadapan:
 - ▲ Lensa di dalam lampu hadapan mungkin berkabut sementara waktu selepas membasuh atau ketika menunggang dalam hujan. Ia tidak memberi kesan kepada fungsi lampu hadapan.
 - ▲ Kelembapan dalam lampu hadapan akan hilang dalam beberapa minit selepas enjin dihidupkan dan lampu hadapan menyala.
- Walau bagaimanapun, jika anda melihat sejumlah besar air atau ais terkumpul di dalam lensa, minta wakil pegerak memeriksa kenderaan anda.
- Jangan gunakan lilin atau kompaun penggilap pada permukaan mat:
 - ▲ Gunakan kain lembut atau span, air yang banyak, dan bahan pencuci yang lembut untuk membersihkan permukaan mat. Keringkan dengan kain yang lembut dan bersih.